



BULETIN KOPENAS

EDISI 4
(JULAI - DISEMBER 2024)



SIDANG

PENGARANG

Penasihat

En. Jumat Bin Mat Lani

Fasilitator Pengarang

En. Mohd Fauzi Bin Mohammed Saif

Pengarang

Pn. Zulaikha Binti Kamarudeen

Penyunting

Cik Nuraini Huda Binti Mohd Fairuz



ISI

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH	01
ANGGOTA LEMBAGA KOPENAS 2024/2025	02
KAKITANGAN PENGURUSAN KOPENAS BERHAD	03
AKTIVITI BULAN JULAI 2024	05
AKTIVITI BULAN OGOS 2024	11
AKTIVITI BULAN SEPTEMBER 2024	17
AKTIVITI BULAN OKTOBER 2024	18
AKTIVITI BULAN NOVEMBER 2024	28
AKTIVITI BULAN DISEMBER 2024	33
LAWATAN TAPAK PROJEK & ASET KOPENAS	34
KURSUS KAKITANGAN KOPENAS	38
PROMOSI PEMBIAYAAN	42



ENCIK JUMAT BIN MAT LANI
PENGERUSI KOPENAS BERHAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan komitmen dalam penerbitan buletin Edisi ke-4 tahun 2024. Perkongsian maklumat menerusi buletin ini diharapkan dapat membantu memberikan serba sedikit informasi berkenaan aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan pada bulan Julai 2024 hingga bulan Disember 2024. Diharap usaha murni ini dapat diteruskan untuk edisi berikutnya.

Tahun ini adalah tahun yang penuh makna dan signifikan bagi KOPENAS Berhad kerana dengan bangganya KOPENAS telah menyambut ulang tahun ke-40 tahun. Sambutan ulang tahun ini merupakan satu sejarah penting bagi KOPENAS sebagai sebuah koperasi yang telah memulakan operasinya pada tahun 1984. Saya percaya ulang tahun ini adalah salah satu penanda aras akan pencapaian dan usaha keras oleh seluruh warga KOPENAS. Dalam meniti usia 40 tahun ini, KOPENAS lebih bersedia mendepani cabaran dan senantiasa melihat keperluan masa depan.

Cerminan utama terhadap organisasi adalah melalui komitmen dan kesungguhan ALK, JKAD, Pengurusan dan anggota. Inisiatif ini dengan melaksanakan langkah untuk mengukuhkan ekonomi koperasi agar memastikan dapat beroperasi dengan baik dan mencapai sasaran yang diperlukan. Pembangunan Pelan Strategik KOPENAS BERHAD untuk masa hadapan yang dirancang diusahakan akan menjadi bukti kepada agenda syarikat untuk mengorak langkah dan bergerak maju dalam memastikan koperasi terus cemerlang, berkualiti dan relevan.

Akhir kalam, semoga dengan segala usaha yang diberikan memberikan hasil dan terus maju ke hadapan dengan mengangkat KOPENAS sebagai koperasi yang dipercayai dan diyakini. Ucapan syabas juga diarahkan kepada semua anggota yang masih mengekalkan membantu menaikkan koperasi bersama. Justeru diharapkan agar tahun 2025 akan lebih optimis dan bersatu dalam mencipta masa depan KOPENAS yang gemilang.

SEKAPUR SIRIH

ANGGOTA LEMBAGA KOPENAS BERHAD 2023/2024



PENGERUSI
Encik Jumat bin
Mat Lani



TIMBALAN PENERUSI
Tuan Haji Othman
bin Daud



SETIAUSAHA KEHORMAT
Encik Mohd Fauzi
bin Mohammed Saif



BENDAHARI KEHORMAT
Tuan Haji Kasmat
bin Isnin



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Azhar
bin Mann



ANGGOTA LEMBAGA
Puan Hajah Rasni
binti Adom



ANGGOTA LEMBAGA
Tuan Haji Bohari
bin Samsudin



ANGGOTA LEMBAGA
Tuan Haji Abd
Rahman bin Ibas



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Muhammad
Razzi bin Abdullah

KAKITANGAN PENGURUSAN KOPENAS BERHAD



Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
En. Mohamad Zaidi
B. Omar



FA Anggota Lembaga
Cik Wan Shazwani
Bt. Wan Mat

UNIT KEWANGAN



Pengurus Kewangan
Cik Foiznur Husna
Bt. Md Fadzil



Pegawai Kewangan
En. Zulzawami
B. Yahya



Penolong Pegawai Kewangan
Pn. Rohayati Bt.
Md Yusof

UNIT SUMBER MANUSIA



Ketua Unit Sumber Manusia
Pn. Siti Mastura
Makhtar



Pembantu Sumber Manusia
Cik Shamima Karimiah
Bt. Mohd Salehoddin



Pembantu Am
En. Muhamad Helman
B. Mohamad Rosli

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)



Ketua Unit Teknologi Maklumat (ICT)
Pn. Razaini Bt. Kamal

UNIT PEMASARAN



Ketua Unit Pemasaran & Pegawai Teknologi Maklumat (ICT)
Pn. Siti Aarfar Atifa
Diana Bt. Agus Salam



Pegawai Pemasaran I
Pn. Nur Adnin Bt.
Md Akhir



Pegawai Pemasaran II
Pn. Fatim Izzati Bt. Bazzi

2024

UNIT PEMBIAYAAN



Ketua Unit Pembiayaan
En. Alauddin Shah
B. Abd Rahman



Kerani Pembiayaan I
Pn. Yusni Bt. Husin



Kerani Pembiayaan II
En. Muhammad Azizi
B. Abdul Rahim



Kerani Fail & Tunggakan
En. Laifi B. Ismail

UNIT KHIDMAT PELANGGAN & KEANGGOTAAN



Ketua Unit Khidmat Pelanggan & Keanggotaan
Pn. Zulaikha
Bt. Kamarudeen



Pegawai Khidmat Pelanggan & Peraka Grafik
Cik Nuraini Huda
Bt. Mohd Fairuz



Pembantu Khidmat Pelanggan
En. Sofiee B. Sadran



Kerani Anggota Baru & Potongan Angkasa
Cik Nurul Aida Bt.
Mohammad Jamaludin

UNIT KEBAJIKAN



Ketua Unit Kebajikan & Kerani Anggota Berhenti
Pn. Fauziah
Bt. Johari



Kerani Kebajikan I
Pn. Nor Sharm Bt. Bakhril



Kerani Kebajikan II
Pn. Naz Syarifah
Bt. Mat Zin

UNIT AGRO INDUSTRI



Penyelia Ladang I
En. Ibrahim B. Hamid



Penyelia Ladang II
En. Muhammad Uqabah
B. Mohd Ali Abidin

AKTIVITI JULAI 2024

TARIKH	AKTIVITI
5 - 7 Julai 2024	Bengkel Manual Pengurusan Kerja (MPK)
11 Julai 2024	Taklimat Pengenalan KOPENAS di Kolej Vokasional Arau
12 Julai 2024	Taklimat Pengenalan KOPENAS di Kolej Vokasional Kangar
13 Julai 2024	Taklimat Pengenalan KOPENAS di SMK Bukit Gasing
18 Julai 2024	Majlis Apresiasi Hari Koperasi Negara 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan
18 Julai 2024	Taklimat Pengenalan KOPENAS di SMK Sultan Mansur Shah
24 Julai 2024	Taklimat Pengenalan KOPENAS di JPN Pulau Pinang
25 Julai 2024	Taklimat Pengenalan KOPENAS di SK Balik Pulau & Kaunter Promosi di PPD Barat Daya
27 Julai 2024	Karnival Keusahawanan Kokurikulum & Hari Koperasi 2024
31 Julai 2024	Taklimat Pengenalan KOPENAS di JPN Wilayah Persekutuan



BENKEL MANUAL PENGURUSAN KERJA (MPK)

5-7 JULAI 2024 | THISTLE HOTEL, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN



Bengkel ini merupakan inisiatif Jawatankuasa Kecil Keanggotaan dan Latihan untuk memberi pemahaman yang mendalam mengenai prosedur kerja yang ditetapkan oleh KOPENAS Berhad bagi memastikan semua kakitangan mematuhi standard operasi dan prosedur kerja yang telah ditetapkan oleh syarikat.

Selain itu, bengkel ini diadakan juga untuk meningkatkan kecekapan kakitangan dalam melaksanakan tugas harian dan mengukuhkan pengetahuan kakitangan mengenai tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam organisasi. Hal ini dapat meningkatkan prestasi serta memberi kesan kerja yang lebih efisien kepada semua kakitangan.



Tuan Haji Abdul Rahman bin Ibas selaku Pengerusi bagi JKK Keanggotaan dan Latihan telah berganding bahu mengendalikan bengkel ini bersama Encik Muhamad Radzi bin Abdullah dan Tuan Haji Bohari bin Shamsudin. Pelbagai perkongsian selama tiga hari bengkel ini dijalankan bersama kakitangan.



AKTIVITI PEMASARAN KOPENAS

TAKLIMAT PENGENALAN KOPENAS & KAUNTER PROMOSI



KOPENAS Berhad sedang bergiat aktif mengadakan taklimat pengenalan KOPENAS di seluruh sekolah-sekolah semenanjung Malaysia. Tujuan taklimat ini diadakan untuk memberi pendedahan dan menyampaikan maklumat terkini kepada guru tentang manfaat menjadi anggota serta memperkenalkan produk perkhidmatan pembiayaan yang ditawarkan oleh KOPENAS Berhad.



► Taklimat Pengenalan KOPENAS di Kolej Vokasional Arau



► Taklimat Pengenalan KOPENAS di Kolej Vokasional Kangar



► Taklimat Pengenalan KOPENAS di SMK Bukit Gading



► Taklimat Pengenalan KOPENAS di SMK Sultan Mansor Shah





► Taklimat Pengenalan KOPENAS di JPN Pulau Pinang



► Taklimat Pengenalan KOPENAS di SK Balik Pulau & Kaunter Promosi di PPD Barat Daya



► Taklimat Pengenalan KOPENAS di JPN Wilayah Persekutuan



MAJLIS APRESIASI HARI KOPERASI NEGARA 2024 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN

18 JULAI 2024 | DEWAN SERI SIANTAN, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan (SKMWP) telah merayakan Hari Koperasi Negara Peringkat Wilayah Persekutuan (HKNWP'24). Sempena program ini, juga telah diadakan Majlis Apresiasi Gerakan Wilayah Persekutuan bagi memberi pengiktirafan sumbangan sektor koperasi kepada pembangunan sosio-ekonomi negara bagi mengiktiraf koperasi sebagai entiti Social Solidarity Enterprise (SSE) yang bertindak sebagai ejen penyatuan sosial dan masyarakat serta memperomoskan konsep berkoperasi dalam kalangan masyarakat sebagai satu institusi keusahawanan.

Dalam majlis yang penuh gilang-gemilang ini, KOPENAS Berhad telah berjaya meraih tempat ke-22 bagi Anugerah Koperasi Terbaik Wilayah Persekutuan 2024 yang disampaikan oleh Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi Malaysia. Encik Jumat bin Mat Lani selaku Pengerusi KOPENAS Berhad telah menerima anugerah ini bersama Encik Mohd Fauzi bin Mohamed Saif, Setiausaha Kehormat KOPENAS Berhad. Majlis ini dimarahkan juga dengan kehadiran barisan Anggota Lembaga KOPENAS Berhad.

Tahniah diucapkan kepada semua warga KOPENAS Berhad!





KARNIVAL KEUSAHAWANAN KOKURIKULUM & HARI KOPERASI 2024

27 JULAI 2024 | SMK BANDAR BARU SERI PETALING, KUALA LUMPUR.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengetua SMK Bandar Baru Seri Petaling, Tuan Haji Muhammad Asri bin Husin di atas jemputan KOPENAS sebagai pempamer di Karnival Keusahawanan Kokurikulum & Hari Koperasi 2024 pada 27 Julai 2024 bertempat di Tapak Karnival, SMK Bandar Baru Seri Petaling.

Karnival ini dengan tema "Keusahawanan Sekolah: Pemandu Generasi Madani" telah dirasmikan oleh Tetamu Kehormat, Puan Sharifah Aminah binti Syed Mohsain selaku Pengerusi, Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan. Turut bersama, Ustaz Mohd Saifan bin Abdul Rahman selaku Pengurus Besar, Yayasan Infaq ANGKASA dan juga Ybhg. Dr. Haji Mohd Azlan bin Yahya selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Infaq ANGKASA merangkap Timbalan Presiden ANGKASA.

Peluang dan ruang yang diberikan kepada KOPENAS sebagai Pempamer dalam karnival ini dapat meluaskan lagi kesedaran terhadap kewujudan dan kebajikan yang diberikan sekiranya menjadi anggota KOPENAS khususnya buat kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Maklum balas yang diterima sepanjang program ini berlangsung juga amat menggalakan.



TARIKH	AKTIVITI
15 Ogos 2024	Taklimat Pengenalan KOPENAS di PPD Jasin (Sesi 1)
22 Ogos 2024	Kirangan Hormat SMK Wilayah Perakutuan & (Jual Bicara (Podcast) Bersempit Perasmian (bahagian Bahari) KOPENAS Berhad
27 Ogos 2024	Taklimat Pengenalan & Tapak Pameran KOPENAS di SMK Agama Yan



TAKLIMAT PENGENALAN KOPENAS DI PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN (SESI 1) 15 OGOS 2024 | DEWAN YUSOF AHMAD, PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN



YBhg. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Ahmad selaku Pengarah Pejabat Pendidikan Negeri Melaka telah memberi peluang kepada KOPENAS Berhad untuk membuka tapak pameran di Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Kesempatan ini turut membuka ruang kepada guru-guru baharu menghadiri taklimat pengenalan dan keanggotaan KOPENAS Berhad sekaligus menarik minat kakitangan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin untuk menjadi anggota KOPENAS.





MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN BAHARU KOPENAS BERHAD

22 OGOS 2024 | UNIT 3-13B, UKAY BOULEVARD

Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan, YBrs Tuan Haji Fadilah bin Salim telah menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Baharu KOPENAS Berhad. Pemilikan enam (6) unit rumah kedai termasuk ruang pejabat dan studio PODCAST yang baru sahaja siap dibina, dibiayai menggunakan produk pembiayaan (Best100FI-1) Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM) yang telah ditawarkan kepada KOPENAS. Kejayaan ini telah meningkatkan nilai aset yang menjadi tunjang kekuatan kepada Koperasi.

Penyemournaan majlis perasmian ini dilakukan menerusi rakaman bual bicara berkonsepkan PODCAST secara langsung di Facebook rasmi KOPENAS Berhad sebagai penanda aras pertama platform ini. Rangkaian platform ini dijangka dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan KOPENAS dengan memanfaatkan platform digital seiring dengan fungsi penubuhan Koperasi.





Menerusi sesi podcast ini juga, YBrs Tuan Haji Fadillah bin Salim, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan, Encik Jumat bin Mat Lani, Pengerusi KOPENAS Berhad dan moderator Encik Mohd Fauzi bin Mohammed Saif, Setiausaha Kehormat KOPENAS Berhad telah berkongsi pendapat dan membahaskan beberapa topik yang menarik untuk penonton-penonton khususnya Anggota KOPENAS.



TAKLIMAT PENGENALAN KOPENAS & TAPAK PAMERAN DI SMK AGAMA YAN
27 OGOS 2024 | SMK AGAMA YAN



Pengetua SMK Agama Yan, Tn. Hj. Muhd Rosli bin Salleh telah menjemput KOPENAS untuk memberi penerangan tentang kebaikan serta manfaat menjadi anggota KOPENAS Berhad. Turut hadir bersama bagi memeriahkan sesi ini adalah pembekal sah KOPENAS iaitu A/W Marketing yang menyediakan produk kesihatan dan menawarkan rawatan percuma kepada semua kakitangan sekolah yang telah hadir ke tapak pameran.



MAJLIS PRA SAMBUTAN 40 TAHUN KOPENAS BERHAD ZON UTARA, ZON SELATAN, ZON TENGAH & ZON TIMUR

Tahun berganti tahun, siapa sangka, kini KOPENAS Berhad telah mencapai usia 40 tahun dari penubuhannya pada 11 Februari 1984.

Objektif utama majlis ini diadakan adalah untuk merayakan Pra Sambutan 40 Tahun penubuhan KOPENAS Berhad bersama perwakilan dan warga kerja Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Majlis ini telah berlangsung di empat zon iaitu zon selatan, zon utara, zon tengah dan zon timur. Penceramah dari ANGKASA dan IKMA telah dijemput bagi memberi pengetahuan kepada warga kerja KPM berkenaan manfaat menjadi anggota Koperasi. Selain itu, Anggota Lembaga KOPENAS Berhad juga telah memberi pendedahan secara terperinci tentang perkhidmatan dan promosi yang ditawarkan melalui tiga komponen utama iaitu keanggotaan, kehajikan dan pembiayaan kepada anggota yang hadir.

Syarikat pembekal turut hadir bagi mempromosikan produk di samping memeriahkan lagi majlis tersebut. Terdapat cabutan bertuah yang diberikan kepada perwakilan dan warga kerja KPM yang hadir.



ZON SELATAN

27 JULAI 2024

SK DATUK UNDANG
ABDULLAH, JELEBU,
NEGERI SEMBILAN



ZON UTARA

17 OGOS 2024

SK BANDAR LAGUNA,
MERBOK, SG. PETANI,
KEDAH





ZON TENGAH

24 OGOS 2024
SK BANDAR BUKIT MAHKOTA, KAJANG, SELANGOR



ZON TIMUR

12 OKTOBER 2024
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAN MARAN, PAHANG



AKTIVITI SEPTEMBER 2024

TARIKH	AKTIVITI
3 September 2024	Kunjungan KOPENAS Berhad di Hari Bertemu Pelanggan Bersama YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
17 September 2024	Sistem Pengurusan FMI KOPENAS Berhad Bersama KRS Sdn Bhd
29 September 2024 hingga 5 Oktober 2024	Program Latihan Antarabangsa Autumn 2024



KUNJUNGAN KOPENAS BERHAD DI HARI BERTEMU PELANGGAN BERSAMA YB MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

3 SEPTEMBER 2024 | KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP), PUTRAJAYA



Sekalung penghargaan dan terima kasih diatas kesudian menerima kunjungan dari Koperasi Perkhidmatan Pendidikan Nasional Berhad (KOPENAS) kepada YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Kunjungan ini bukan sahaja telah membuka ruang perbincangan yang bermanfaat, malah membuka ruang dan peluang untuk bekerjasama dengan lebih erat serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih inklusif dan progresif.

Semoga kerjasama yang terjalin ini dapat memberi impak yang maksima kepada KOPENAS sekaligus memberi manfaat kepada pembangunan sektor koperasi dan usahawan di Malaysia.





SISTEM PENGURUSAN FAIL KOPENAS BERHAD BERSAMA KBS SDN BHD

17 SEPTEMBER 2024 | IBU PEJABAT KOPENAS BERHAD

Jawatankuasa ICT dan Pemasaran bersama Jawatankuasa Keanggotaan dan Latihan telah merancang untuk mewujudkan sistem pengurusan fail KOPENAS Berhad yang lebih efisien dan sistematik di masa akan datang. Pembangunan sistem ini bagi melancarkan sistem pengurusan dan penyimpanan rekod pusat untuk KOPENAS agar penyimpanan fail anggota lebih teratur dan sistematik. Sistem ini terdiri dari 7 langkah asas iaitu penyediaan, pelepasan, penyusunan, pengkodan, penyusunan semula, penyimpanan dan penyusunan fail. Sistem ini juga menggunakan teknologi pengimbasan (*scanning*), kod (*barcode*) dan lain-lain.



PROGRAM LATIHAN ANTARABANGSA AUTUMN 2024

(TRAINING PROGRAM FOR MANAGERS OF COOPERATIVES "7TH COOPERATIVE PRINCIPLE IN ACTION: BUILDING A COMMUNITY THROUGH COOPERATIVES")

29 SEPTEMBER - 5 OKTOBER 2024 | GOESAN, KOREA



Program latihan antarabangsa ini telah dihoskan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA) yang melibatkan 20 orang peserta dari ANKASA, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Bank Rakyat dan 14 buah koperasi. Puan Siti Mastura Mokhtar, Ketua Unit Sumber Manusia telah dipilih untuk mewakili KOPENAS dalam program ini.

Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan secara langsung kepada anggota koperasi iaitu ahli ANKASA tentang Prinsip Koperasi ke 7: Prihatin terhadap Masyarakat (Komuniti) yang dipraktikkan oleh koperasi peringkat antarabangsa.

Dalam program ini juga telah berlangsungnya satu pemeteraian Memorandum Persafahaman (MoU) diantara gerakan koperasi Malaysia dan Korea Selatan. Pemeteraian MoU ini merupakan inisiatif penting dalam pengukuhan kerjasama strategik bersama iCOOP Korea dalam bidang latihan dan keusahawanan untuk mengukuhkan kapasiti modal insan dalam kalangan kepimpinan dan pengurusan koperasi bagi menambah baik program pembangunan komuniti. Memorandum persefahaman ini telah ditandatangani oleh Anggota Lembaga ANGKASA, Prof. Madya Dato' Dr. Haji Abdul Rahman Abdul Razak Shaik dengan Ketua Pengarah iCOOP Cooperative Institute, Ms Kim Ah Young.

Lawatan kerja ke fasiliti milik iCoop Korea telah membuka peluang kepada para peserta untuk berinteraksi dan bertongsi pengalaman seterusnya mewujudkan rangkaian yang kukuh untuk pembangunan koperasi yang lebih berdaya saing. iCOOP Korea telah membuktikan komitmennya dalam mempromosikan kemampahan ekosistem berpaksikan komuniti melalui pelbagai inisiatif.



AKTIVITI OKTOBER 2024

TARIKH	AKTIVITI
1 Oktober 2024	Tapak Pameran KOPENAS di SK Jalan Paya Besar
2 Oktober 2024	Taklimat Pengenalan & Tapak Pameran di SK Raji Nyak Galm
9 Oktober 2024	Taklimat Pengenalan KOPENAS di PPD Jasin (Sesi 2)
11 Oktober 2024	Taklimat Pengenalan & Tapak Pameran KOPENAS di SK Mafan
17 Oktober 2024	Tapak Pameran KOPENAS di SK Taman Bukit Subang
20 Oktober 2024	EDU KL Pahang
25 & 26 Oktober 2024	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-38 Tahun 2024
26 Oktober 2024	Majlis Peluncuran Sambutan 40 Tahun KOPENAS Berhad



AKTIVITI PEMASARAN KOPENAS

TAKLIMAT PENGENALAN KOPENAS & TAPAK PAMERAN



Ribuan terima kasih diucapkan kepada Guru Besar yang sudi memberi peluang dan ruang kepada pihak KOPENAS Berhad untuk berkongsi maklumat dan pencerahan mengenai KOPENAS di sekolah masing-masing.

Unit pemasaran juga ditemani pembekal barangan pengguna untuk memperlihatkan produk jualan mereka serta tawaran pembiayaan yang disediakan. Antara pembekal-pembekal yang hadir adalah seperti AIW Marketing, City Connections Travel, Greenstar Engineering, Khaalish Jewels, Zero Healthcare dan KOMAJU.

Menerusi kesempatan ini, pihak KOPENAS Berhad telah mendapat maklum balas positif dan sambutan yang memberangsangkan dengan peningkatan permohonan ahli baru dan permohonan pembiayaan barangan pengguna. Semoga kegiatan ini diteruskan lagi dengan lebih bersemangat.

▶ Tapak Pameran KOPENAS di SK Jalan Paya Besar



▶ Taklimat Pengenalan & Tapak Pameran KOPENAS di SK Haji Nyak Gam



▶ Taklimat Pengenalan KOPENAS di Pejabat Pendidikan Daerah Jasin (Sesi 2)



▶ Taklimat Pengenalan & Tapak Pameran KOPENAS di SK Maran



▶ Tapak Pameran KOPENAS di SK Taman Bukit Subang





MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN BAHARU KOPENAS BERHAD

22 OKTOBER 2024 | DATARAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Program EDU KL Fun Run ini merupakan anjuran Yayasan ANGKASA yang diadakan bertujuan untuk memupuk kesedaran kepada komuniti untuk meneruskan gaya hidup aktif dan sihat. Selain itu, menjadikan acara ini sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran ahli koperasi tentang pentingnya gaya hidup sihat dan pendidikan yang berkualiti. Program ini juga dapat mewujudkan peluang untuk semua ahli koperasi berkumpul dan mengukuhkan hubungan silaturahim dengan amalan gaya hidup sihat. Cik Wan Shazwani binti Wan Mat, PA Lembaga telah mewakili KOPENAS dalam acara ini.





MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KALI KE-38 TAHUN 2024

25 & 26 OKTOBER 2024 | HOTEL ZENITH, KUANTAN, PAHANG

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kali Ke-38 Tahun 2024 telah berjalan dengan jayanya di Hotel Zenith, Kuantan, Pahang. Seramai 227 orang perwakilan telah menghadiri MAPT kali ke-38 ini.

MAPT Kali Ke-38 telah meluluskan pembayaran agihan dividen sebanyak 7% yang meliputi dividen atas modal syer sebanyak 6% dan dividen atas modal yuran sebanyak 1%. Jumlah bayaran dividen ini adalah berdasarkan pada keuntungan bersih KOPENAS Berhad bagi tahun 2023.



Majlis dimulakan dengan ucapan aluan dari Encik Jumat bin Mat Lari, Pengerusi KOPENAS Berhad dan sekaligus merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali-38 ini. Turut hadir sama, barisan Anggota Lembaga KOPENAS, Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar. Di dalam ucapan beliau, ada menyatakan harapan agar seluruh perwakilan KOPENAS dapat terus memberi sokongan kepada pembangunan KOPENAS.





Pelbagai agenda dan usul telah dibentangkan dan dibahaskan bersama para perwakilan yang hadir dari 61 kawasan. Encik Mohamed Bakri bin Abdul Malek iaitu perwakilan kawasan Maran, Pahang telah dipilih sebulat suara untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-38 ini. Kesungguhan beliau dalam memastikan setiap agenda dibincangkan dengan teliti dan peruh pertimbangan telah membantu menjayakan mesyuarat ini dengan cemerlang.

Mesyuarat dimeriahkan lagi dengan sesi cabutan bertuah kepada 20 perwakilan berbentuk pakej percutian ke Turki selama 9 hari 8 malam. Tahniah diucapkan kepada 20 perwakilan yang bertuah tersebut.



Sesi mengundi calon Anggota Lembaga KOPENAS baharu sesi 2024/2025.

Empat (4) orang calon telah bertanding dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kafi Ke-38ini dan tiga (3) orang daripadanya telah berjaya. Sesi pengundian ini telah berjalan dengan lancar mengikut SOP yang telah ditetapkan. Tahniah diucapkan kepada semua calon yang terlibat dan terima kasih kepada semua perwakilan yang telah melaksanakan tugas anda dengan mengundi calon-calon yang bertanding.

Sekalung **TAHNIAH**

Tahniah diucapkan atas pelantikan Anggota Lembaga KOPENAS yang baharu bagi sesi 2024/2027

**PUAN HAJAH ROSNI
BINTI ADOM**
ANGGOTA LEMBAGA KOPENAS



**ENCIK AZHAR
BIN MANN**
ANGGOTA LEMBAGA KOPENAS



**TUAN HAJI BOHARI
BIN SAMSUDIN**
ANGGOTA LEMBAGA KOPENAS



Lensa MAPT Kali Ke-38







MAJLIS PELUNCURAN SAMBUTAN 40 TAHUN KOPENAS BERHAD

26 OKTOBER 2024 | HOTEL ZENITH, KUANTAN, PAHANG

KOPENAS Berhad terus berdiri teguh setelah 40 tahun sejak penubuhannya. Dalam semangat Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-38 ini, kami berbangga menyambut sambutan 40 Tahun KOPENAS Berhad pada 26 Oktober 2024 di Hotel Zenith Kuantan, Pahang.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang hadir untuk merasmikan Majlis Peluncuran Sambutan 40 Tahun KOPENAS. Yang Berhormat Datuk Menteri KUSKOP turut melancarkan aplikasi pendigitalan KOPENAS sejurus dengan peredaran zaman dalam mentransformasikan lanskap pengurusan dan pengoperasian KOPENAS Berhad.

Majlis ini bukan sahaja menandakan satu pencapaian penting dalam sejarah organisasi KOPENAS, tetapi juga mencerminkan komitmen koperasi terhadap inovasi dan kemajuan. Pelancaran aplikasi KOPENAS ini adalah langkah signifikan dalam memastikan KOPENAS terus relevan dan berdaya saing di era digital ini dan terus cemerlang dalam menaikkan kedudukan KOPENAS dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia.





Di dalam majlis yang sama, KOPENAS turut berkesempatan menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Fadzilah bin Ahmad, Mantan Pengerusi KOPENAS. Terima kasih diucapkan kepada mantan pengerusi KOPENAS atas segala sumbangan dan kepimpinan yang cemerlang sepanjang tempoh memegang jawatan sebagai pengerusi.

Turut hadir bersama, YBhg Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP, Encik Azizul bin Alias, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil KUSKOP, Puan Siti Azlin binti Ahmad Dauti, Naib Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi dan Kawal Selia) SKM, Tuan Haji Fadilah bin Salim, Pengarah SKM Cawangan Wilayah Persekutuan, Pegawai-pegawai KUSKOP dan SKM, wakil ANGKASA, barisan Anggota Lembaga serta para perwakilan dari 61 kawasan semenanjung Malaysia.



Terima kasih diucapkan kepada barisan Anggota Lembaga (ALK), Juruaudit Dalaman (JKAD) dan kakitangan pengurusan KOPENAS Berhad dalam menjayakan dua majlis besar ini iaitu Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-38 pada tahun 2024 dan Majlis Peluncuran Sambutan 40 Tahun KOPENAS Berhad. Tahniah dan syabas diucapkan!

AKTIVITI NOVEMBER 2024

TARIKH	AKTIVITI
7 - 8 November 2024	Simposium Koperasi Koperasi Wanita 2024
9 November 2024	Hari Terbuka PPD Pantang
10 November 2024	Taklimat & Tapak Pameran di SMK Syed Ibrahim & SMK Sungai Tiang
12 November 2024	Taklimat Pengenalan & Tapak Pameran di SK BL&IT Mentak
13 November 2024	Taklimat Pengenalan & Tapak Pameran di SK RTK Seberang Taylor
25 - 28 November 2024	ICA Global Cooperative Conference



SIMPOSIUM KOPERASI WANITA 2024

7-8 NOVEMBER 2024 | HOTEL SUMMIT, SUBANG JAYA, SELANGOR



Koperasi Wanita 2024 telah diadakan anjuran Kumpulan Pembangunan Koperasi ANGKASA bertempat di Summit Hotel, Subang Jaya, Selangor selama dua hari pada 7 dan 8 November 2024. Sebanyak 128 buah koperasi yang terlibat termasuklah KOPENAS Berhad dan 268 orang koperator dalam program ini.

Program ini bertemakan 'Transformasi Minda Penggerak Kecemerlangan Koperasi Wanita Madani' yang ditasmikan oleh Dato' Haji Kamarudin Ismail, Anggota Lembaga ANGKASA merangkap Pengerusi Kumpulan Pembangunan Perniagaan Koperasi ANGKASA.





HARI TERBUKA PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PENDANG

9 NOVEMBER 2024 | DEWAN AL-MARBAWI, SMK PENDANG, KEDAH



Hari Terbuka PPD Pendang ini dirasmikan oleh Tuan Haji Ismail bin Othman, BCK, Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Program ini disambut meriah dengan pelbagai aktiviti seperti pemeriksaan mata secara percuma, pameran bersama rakan strategik dan pembekal sah KOPENAS, persembahan, sukan serta jualan pelbagai jenis makanan dan barangan-barangan lain. Pembekal sah barangan pengguna KOPENAS yang turut hadir bersama memeriahkan program ini, Khaalish Jewels yang menyediakan emas perhiasan 916, Artiq Air yang menawarkan penghawa dingin, IKONIK Eye Specialist yang menawarkan rawatan mata dan bebas rabun serta Darma Motor yang merupakan pengedar motor. Hadir sama, YBhg Dato' Suraya Yaacob dan barisan Anggota Lembaga Koperasi KOPENAS.



TAKLIMAT & TAPAK PAMERAN DI SMK SYED IBRAHIM & SMK SUNGAI TIANG

10 NOVEMBER 2024 | SK SMK SYED IBRAHIM & SMK SUNGAI TIANG



Ucapan terima kasih kepada Pengetua SMK Syed Ibrahim, Puan S. Mariam Binti Omar kerana memberikan peluang kepada KOPENAS untuk memperkenalkan KOPENAS kepada para pentadbir dan guru-guru di sekolah pada 10 November 2024. Pada hari yang sama, KOPENAS turut dijemput oleh Puan Sharipah Md isa, Pengetua SMK Sungai Tiang untuk memberikan taklimat di SMK Sungai Tiang, Kedah. Kehadiran Khaalish Jewels, syarikat pembekal sah KOPENAS sebagai pempamer menambah seri acara ini dengan mempamerkan pelbagai rekaan menarik emas perhiasan 916.



TAKLIMAT PENGENALAN & TAPAK PAMERAN DI SK BUKIT MENTOK

12 NOVEMBER 2024 | SK BUKIT MENTOK, TERENGGANU



Terima kasih diucapkan kepada Encik Dzulkiifi bin Ab Samad, Guru Besar SK Bukit Mentok kerana memberi peluang dan ruang kepada KOPENAS untuk memberi taklimat pengenalan dan kaunter promosi di sekolah pada 12 November 2024 yang lalu. Turut sama, vendor barangan pengguna dari KOPENAS iaitu Empayar Iman yang menyediakan barangan emas perhiasan 916 dan 999 serta AIW Marketing yang memberikan rawatan percuma dan menyediakan produk kesihatan tanpa ubat kepada semua pengunjung yang hadir ke kaunter promosi.



TAKLIMAT PENGENALAN & TAPAK PAMERAN DI SK RTK SEBERANG TAYOR

13 NOVEMBER 2024 | SK RTK SEBERANG TAYOR, TERENGGANU



Ribuan terima kasih diucapkan kepada Puan Rohafaridah binti Ibrahim, Guru Besar SK RKT Seberang Tayor kerana sudi menjemput KOPENAS berkongsi informasi dan kebalkan menjadi anggota KOPENAS kepada guru-guru di sekolah ini. Syarikat pembekal barangan pengguna yang turut hadir adalah Empayar Iman yang menyediakan barangan emas perhiasan 916 dan AIW Marketing yang memberikan rawatan percuma dan menyediakan produk kesihatan tanpa ubat kepada semua pengunjung yang hadir ke tapak pameran KOPENAS.



ICA GLOBAL COOPERATIVE CONFERENCE

COOPERATIVES BUILD PROSPERITY FOR ALL
25-29 November 2024, Bharat Mandapam, Pragati Maidan, New Delhi, India



ICA GLOBAL COOPERATIVE CONFERENCE 2024, NEW DELHI, INDIA

25-29 NOVEMBER 2024 | BHARAT MANDAPAM, PRAGATI MAIDAN, NEW DELHI, INDIA

New Delhi India telah menjadi tumpuan pemimpin koperasi dunia melalui persidangan ICA Global Cooperative Conference 2024 dan pelancaran gemilang UN-International Year of Cooperatives 2025 dengan tema: "Koperasi Membina Kemakmuran untuk Semua" yang berlangsung dari 25 - 29 November 2024.

Persidangan yang dihadiri lebih 3,000 delegasi dari 100 negara termasuk 41 delegasi dari Malaysia. Presiden ANGKASA merangkap Naib Presiden Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia dan Pasifik (ICA-AP) dan Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah mengetuai delegasi koperasi Malaysia ke persidangan ini.

KOPENAS Berhad tidak melepaskan peluang dengan penuh komitmen juga menyertai acara berprestij ini yang diwakili oleh Tuan Haji Kasmat bin Isenin, Bendahari Kehormat KOPENAS Berhad dan Tuan Haji Abd Rahman bin Ibas, Anggota Lembaga KOPENAS Berhad. Penglibatan ini mencerminkan dedikasi KOPENAS dalam memperkasa gerakan koperasi di peringkat nasional melalui inisiatif antarabangsa yang memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti modal insan, selari dengan tema 'Cooperatives Build Prosperity for All'.



Perdana Menteri India, Narendra Modi telah merasmikan persidangan ini. Kehadiran delegasi ANGKASA ke ICA Global Cooperative Conference 2024 merupakan peranan dan komitmen sebagai badan puncak di peringkat nasional dan antarabangsa dalam menerajui pembangunan perniagaan gerakan koperasi negara.

Persidangan yang dianjurkan secara dwitahunan ini menjadi platform penting pemimpin koperasi untuk berkongsi pandangan dan strategi bagi mengukuhkan koperasi sebagai pemain utama dalam pembangunan ekonomi dan sosial global. Perbincangan turut memberi fokus kepada memperkasa dasar dan ekosistem keusahawanan, memperkukuh identiti koperasi, memupuk kepimpinan strategik dalam membentuk masa depan yang lebih adil, saksama, dan mampan. Bertemakan 'Koperasi Membangun Kemakmuran untuk Semua' (Cooperatives Build Prosperity for All), persidangan itu mengiktiraf koperasi sebagai entiti yang berfokuskan kepada rakyat, berlandaskan tujuan dan didorong oleh kemajuan.

Dianjurkan oleh International Cooperative Alliance (ICA) dan dihoskan oleh Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO), program ini melambangkan komitmen global terhadap pembangunan ekosistem koperasi yang mampan dan inklusif. Melalui penyertaan aktif, KOPENAS Berhad mengambil inisiatif memperkukuh keupayaan insan dan daya saing gerakan koperasi Malaysia, dengan menerapkan inspirasi daripada amalan terbaik antarabangsa, demi masa depan yang lebih progresif dan sejahtera untuk semua.



AKTIVITI DISEMBER 2024

TARIKH	AKTIVITI
6 - 8 Disember 2024	Festival Warisan Nusantara 2024
10 Disember 2024	Mesyuarat Anggota Lembaga Kali Pertama Sesi 2024/2025



FESTIVAL WARISAN NUSANTARA 2024

6-8 DISEMBER 2024 | DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS



KOPENAS Berhad telah dijemput untuk menyertai Festival Warisan Nusantara 24 yang bertempat di Dewan 2020, Kangar Perlis. Festival ini dianjurkan bersempena menyokong kempen Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

Tuanju Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibi Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Tuanku Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Dr. Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut mencemar duli berangkat hadir ke Festival Warisan Nusantara di Perlis ini.

Dalam majlis ini, DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis turut berkenan melawat tapak pameran KOPENAS di Dewan 2020. Hadir sama, barisan Anggota Lembaga KOPENAS yang turut memperkenalkan KOPENAS kepada semua peserta yang hadir ke tapak pameran mengenai manfaat dan kebajikan yang ditawarkan kepada anggota.



LAWATAN TAPAK PROJEK & ASET KOPENAS

OLEH ANGGOTA LEMBAGA KOPENAS, JKK KAJIAN RISIKO
& JKK PELABURAN DAN KEUSAHAWANAN

LAWATAN TAPAK DUSUN DURIAN, DURIAN TUNGGAL, MELAKA

Tarikh : 21 Ogos 2024

Tempat : WTS Durian Tunggal, Melaka

Tujuan : JKK Kajian Risiko membuat lawatan bagi pembelian tanah dusun di WTS Dusun Durian, Durian Tunggal, Melaka. Objektif lawatan ini untuk memantau projek pelaburan KOPENAS untuk tujuan menambah aset pembelian dusun durian dengan peruntukan dana SKM bagi mempelbagaikan aktiviti pelaburan dan hartanah. Pembelian dusun durian juga dijadikan pelaburan jangka panjang bagi KOPENAS.



LAWATAN TANAH LOT BUKIT RAMBAI, MUKIM MACHAP, DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA

Tarikh : 21 Ogos 2024

Tempat : Tanah Lot 20774 – 20778, Lot 2027 dan Lot 2028 Mukim Bukit Rambai, Daerah Melaka Tengah, Melaka.

Tujuan : JKK Kajian Risiko membuat lawatan di Tanah Lot 20774 – 20778, Lot 2027 dan Lot 2028 Mukim Bukit Rambai Daerah Melaka Tengah, Melaka. Kawasan tanah lot ini sesuai untuk pembinaan rumah banglo yang dapat dijadikan pendapatan pelaburan.



LAWATAN KE TAPAK PROJEK EVENT HALL DUYUNG, MELAKA

Tarikh : 16 November 2024

Tempat : Pekan Air Molek, Duyung, Melaka

Tujuan : Tujuan lawatan adalah untuk pembelian tanah dengan cadangan membina Event Hall di atas tanah tersebut. Hal ini juga dapat mempelbagaikan aktiviti dan pelaburan KOPENAS Berhad.



LAWATAN LADANG SAWIT AYER TAWAR BALING, KEDAH

Tarikh : 1 Disember 2024

Tempat : Lot 5774 (3.978 Hektar) & Lot 5775 (69.48 Hektar), Mukim Tawar, Baling, Kedah

Tujuan : Tujuan lawatan untuk pembelian tanah pertanian (ladang sawit), dengan keluasan 181.5 ekar yang dapat menghasilkan anggaran 15,400 pokok sawit.



LAWATAN JKK PELABURAN DAN KEUSAHAWANAN KE ASET KOPENAS DI PERAK & PERLIS

Tarikh : 20 & 21 Disember 2024

Tempat : Negeri Perak & Perlis

Tujuan : Tujuan lawatan untuk memperkenalkan aset pelaburan oleh KOPENAS kepada Ahli Jawatankuasa Kecil Pelaburan dan Keusahawanan Lantikan Sesi 2024/2025.





• Uni Residences Tapah, Perak



• Tanah Lot di Sauk Kuala Kangsar, Perak



• Rumah Semi-D Jalan Putra Sebelas, Kangar, Perlis



• UniCiti Alam UniMAP, Perlis





KURSUS KAKITANGAN KOPENAS

JULAI - DISEMBER 2024

Mesyuarat Anggota Lembaga Kali Ketiga Bagi Sesi 2022/2023 bertarikh 30 dan 31 Disember 2022 telah memutuskan untuk mewajibkan kakitangan KOPENAS Berhad untuk menghadiri kursus minimum sebanyak empat (4) kali dalam tempoh satu tahun. Kegagalan kakitangan melengkapkan kehadiran mengikut aturan kursus dapat memberi impak negatif kepada markah penilaian prestasi kakitangan.

Objektif utama Anggota Lembaga mewajibkan kakitangan untuk menghadiri kursus adalah bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pembangunan koperasi serta memperbaharui kemahiran kakitangan mengikut peredaran masa.

Rancangan jadual dan pendaftaran kursus adalah dikendalikan oleh Unit Sumber Manusia. Oleh itu, unit ini bertanggungjawab melihat peluang kursus dan latihan yang dianjurkan oleh IKMa atau ANGKASA atau mana-mana agensi yang bersesuaian berdasarkan bajet yang telah diperuntukkan.

Objektif utama Anggota Lembaga mewajibkan kakitangan untuk menghadiri kursus adalah bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pembangunan koperasi serta memperbaharui kemahiran kakitangan mengikut peredaran masa.





KURSUS PENGURUSAN SUMBER MANUSIA ANJURAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

Tarikh	9 - 10 Julai 2024
Tempat	IKMa HQ, Petaling Jaya
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi pendedahan konsep dan perundangan berkaitan Pengurusan Sumber Manusia • Mempelajari proses pengajian, pengambilan dan perancangan ketiada kakitangan • Mempelajari penguasaan prestasi, kesihatan dan keselamatan kakitangan
Kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Mastura Mokhtar (Ketua Unit Sumber Manusia) • Cik Shapriya Kamari dan Niket Salehudeen (Pembantu Sumber Manusia)



KURSUS PENGURUSAN REKOD DAN FAIL YANG EFEKTIF ANJURAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

Tarikh	15 - 17 Julai 2024
Tempat	IKMa HQ, Petaling Jaya
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> • Merangsang konsep pengurusan rekod yang baik • Memberi pendedahan teknik penyelenggaraan sistem rekod dari fail koperasi dengan teratur • Memberi pendedahan teknik mengurus dokumen secara atas talian
Kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Rozaini binti Kamel (Ketua Unit ICT) • Cik Muhamad Helwan bin Mohamed Rusli (Pembantu am)





KURSUS PEMANTAPAN KEPIMPINAN KOPERASI ANJURAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

Tarikh	30 Julai - 1 Ogos 2024
Tempat	Bemeryth Eco Venture Resort & Recreation
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kefahaman mengenai kepimpinan berkesan • Meningkatkan mengenal pasti peranan pemimpin dalam membentuk pasukan cemerlang • Kemahiran komunikasi berkesan kepimpinan
Kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Mastura Mokhtar (Ketua Unit Sumber Manusia) • Puan Zaitunah binti Kamaruldeen (Ketua Unit Keistim. Pelanggan & Keanggotaan)



BENGGEL PEMASARAN - WHATSAPP BLASTER ANJURAN FUNNELEVO SDN BHD

Tarikh	16 Julai 2024
Tempat	IKMa HQ, Petaling Jaya
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi panduan praktikal tentang cara menggunakan perisian WhatsApp Blaster untuk menghantar mesej kepada pelbagai kumpulan sasaran secara serentak. • Mengajar cara mengautomatiskan kempen pemasaran dengan menggunakan aplikasi WhatsApp dan teknik Blaster untuk menjatuhkan mesej dan meningkatkan kecekapan. • Membolehkan peserta kemahiran dan pengetahuan mendalir tentang teknik pemasaran melalui WhatsApp untuk meningkatkan jangkauan dan keberkesanan kempen pemasaran.
Kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Nur Azzah binti Md Atiqe (Pegawai Pemasaran) • Puan Fatin Uzati binti Binti (Pegawai Pemasaran) • Puan Nur Azma Atkan binti Azmi (Pegawai Pemasaran Media Sosial)



**KURSUS CEO TALK: PERNIAGAAN DI AMBANG
REVOLUSI ADAPTASI & TRANSFORMASI
ANJURAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**



Tarikh	10 Disember 2024
Tempat	Hotel Everly, Putrajaya
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pemahaman peserta berkenaan proses pengujian dan pengesahan keutamaan produk aktiv dalam revolusi perniagaan barangan keemasan • Mengenal pasti isu dan cabaran dalam adaptasi dan transformasi pengesahan keutamaan etnes • Memahami peranan assayer dalam revolusi industri emas di Malaysia
Kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Nur Afnia Atiqah binti Azmi (Pegawai Pemasaran Media Sosial) • Puan Siti Asnor Atira Diana binti Agus Salam (Ketua Unit Perkhidmatan)



**GAME PLAN CARA LONJAKKAN JUALAN 6 ANGKA
DENGAN AUTOMASI MARKETING DAN JUALAN SYARIKAT
ANJURAN FUNNELEVO SDN BHD**



Tarikh	19 Disember 2024
Tempat	Funnelevo Tower, Kota Damansara
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan Matrikul dan KPI Pemasaran • Merembukan dengan klien siapa kesetia jualan • Strategi Upselling dan Crossselling
Kehadiran	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Siti Asnor Atira Diana binti Agus Salam (Ketua Unit Pemasaran) • Nur Azrin binti Md AHR (Pegawai Pemasaran) • Fatin Izati binti Hariz (Pegawai Perkhidmatan) • Nur Afnia Atiqah binti Azmi (Pegawai Pemasaran Media Sosial)

PROMOSI PEMBIAYAAN

KOMAJU Durian Gold: Pembekal Barangan Pengguna KOPENAS

Labur emas serendah 5g bersama pembekal barangan sah KOPENAS. Kedai Emas KOMAJU.

Ingin melabur dalam aset yang kukuh dan bernilai? Durian Gold Bar KOMAJU adalah pilihan tepat! KOMAJU menawarkan pelaburan emas dengan penanaman durian yang menggunakan teknologi terkini untuk penanaman yang efisien, mampan dan meningkatkan hasil tanaman dengan lebih signifikan.

Ayuh, sertai program ini sekarang! Hubungi Hotline Whatsapp KOPENAS hari ini dan mula melabur dalam masa depan yang lebih stabil!

AIW Marketing: Pembekal Barangan Pengguna KOPENAS

Produk kesihatan tanpa ubat yang menggunakan getaran frekuensi terahertz sama dengan getaran frekuensi sel manusia normal. Peranti ini boleh digunakan untuk seluruh anggota badan yang sakit dan terbuka untuk semua golongan masyarakat.

Selain itu, AIW Marketing juga menawarkan produk penjagaan kulit untuk masalah jerawat, kadutan, mengecilkan liang pori dan banyak lagi.

PROMOSI PEMBIAYAAN

Promosi Ulangtahun
40 TAHUN KOPENAS

**Raikan Ulangtahun 40 Tahun
DENGAN KADAR ISTIMEWA SREBENG**

4.0%

Menikmati pembiayaan dengan kadar tetap dan istimewa
selama pengangkutan kepada pelanggan setia kami.

▶ Kadar Tetap 4.0% ▶ Kadar Tetap ▶ Kadar Tetap dan Kadar Tetap

Peluang Terbatas! Realisasikan Impian Anda Sekarang!
Terdapat 500 kuota sahaja! Hanya 20% sahaja! Segera!

Peluang Pusing Kenderaan Baharu
dengan Kadar Kuantiti yang Istimewa

40 TAHUN

Peluang Pusing Kenderaan Baharu dengan Kadar Kuantiti yang Istimewa

▶ Kadar Tetap 4.0% ▶ Kadar Tetap ▶ Kadar Tetap dan Kadar Tetap

Peluang Terbatas! Realisasikan Impian Anda Sekarang!
Terdapat 500 kuota sahaja! Hanya 20% sahaja! Segera!

SAMBUT ULANG TAHUN KE-40 KOPENAS DENGAN KADAR ISTIMEWA PEMBIAYAAN KENDERAAN

Sambut ulang tahun ke-40 kami dengan tawaran pembiayaan kenderaan yang luar biasa! Nikmati kadar tetap yang istimewa dan miliki kereta impian anda hari ini. Jangan lepaskan peluang emas ini!

REALISASIKAN JIPIAN ANDA
Sesuai untuk pembelian rumah atau tanah
SEHINGGA KADAR 4.0%

Peluang Terbatas! Realisasikan Impian Anda Sekarang!
Terdapat 500 kuota sahaja! Hanya 20% sahaja! Segera!

Peluang Terbatas! Realisasikan Impian Anda Sekarang!
Terdapat 500 kuota sahaja! Hanya 20% sahaja! Segera!

4.0%

Peluang Terbatas! Realisasikan Impian Anda Sekarang!
Terdapat 500 kuota sahaja! Hanya 20% sahaja! Segera!

ULANG TAHUN KE-40 DENGAN KADAR ISTIMEWA PEMBIAYAAN PERIBADI

Nikmati kadar istimewa 4% setahun dengan kadar tetap untuk pembiayaan peribadi, khas bersempena ulang tahun ke-40 kami! Jangan lepaskan peluang ini untuk mengurus kewangan anda dengan lebih baik. Cepat, tawaran terhad!

Promosi Ulangtahun
40 TAHUN KOPENAS

PROMOSI PEMBIAYAAN

Promosi Ulangtahn
40 TAHUN KOPENAS





HUBUNGAN BENCAGAN | HARTANAH SUDAH
KADAR TETAP RENDAH



**LINDUNGI MASA DEPAN
 ANDA DENGAN KEPASTIAN!**

Dapatkan lebih banyak maklumat mengenai promosi ini di
 https://www.kopenas.com.my/40th-anniversary/ atau hubungi
 Pusat Servis Pelanggan Kopenas di 03-6344 4444

**Naiktar Denda! Dapatkan Pembiayaan Anda
 dengan Kadar Tetap Lebih Rendah!**

Dapatkan lebih banyak maklumat mengenai promosi ini di
 https://www.kopenas.com.my/40th-anniversary/

Keperluan: Sempurnakan implian rumah anda hari ini!

- 1. Insurans Mula (RM 1000) & 2. Insurans Tambahan (RM 1000)
- 3. Insurans Tambahan (RM 1000) & 4. Insurans Tambahan (RM 1000)
- 5. Insurans Tambahan (RM 1000) & 6. Insurans Tambahan (RM 1000)
- 7. Insurans Tambahan (RM 1000) & 8. Insurans Tambahan (RM 1000)

Kadar Tetap	Had Atas	Had Bawah
3.7%	RM 500K - RM 200K	
4.0%	RM 200K - RM 100K	

Sempurnakan implian rumah anda hari ini!

ULANG TAHUN KE-40 DENGAN KADAR ISTIMEWA PEMBIAYAAN HARTANAH

Sambut ulang tahun ke-40 kami dengan tawaran pembiayaan hartanah yang tidak boleh dilepaskan! Nikmati kadar tetap 3.7% setahun untuk rumah bernilai RM500k ke atas dan 4% setahun untuk RM500k ke bawah. Sempurnakan implian memiliki rumah idaman anda hari ini!